

TARANNUM AL-QURAN: PERBINCANGAN FLEKSIBILITI SIFAT DAN PERANAN

Muhammad Lukman Bin Ibrahimⁱ, Mohd Azhar B. Abdullahⁱⁱ

ⁱ(Corresponding author). Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, N. Sembilan. Emel: mdlukman@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra Nilam Puri 15730 Kota Bharu, Kelantan. Emel: drhar68@gmail.com

ABSTRAK

Al-Quran adalah mukjizat utama Nabi Muhammad saw. Dalam agama Islam, amalan yang menjadi keutamaan adalah beribadah dengan Al-Quran melalui membaca, memahami dan mengamalkannya. Maka, seorang qari perlu menitikberatkan bacaan dengan tarannum dan kemahiran dalam menggunakan seni suara. Tujuannya adalah untuk meningkatkan pemahaman umat Islam tentang mukjizat Al-Quran itu sendiri. Artikel ini membahas tentang karakteristik dan fungsi dari setiap tarannum usul yang meliputi Bayyati, Saba, Hijaz, Nahawand, Rast, Sikah serta Jiharkah. Seringkali, perbincangan ini berakhir dengan kesimpulan yang klise tentang sifat dan peranan tarannum. Apakah penguasaan tarannum menjadi terlampau tepu dan memerlukan fleksibiliti yang luas? Artikel ini akan menjelaskan secara detail teori tersebut.

Kata-kata kunci: Al-Quran, tarannum, sifat, peranan

Pendahuluan

Sebagaimana yang diketahui umum, AlQuran adalah kitab Allah yang maha Tinggi dan ketinggianannya adalah merangkumi dari pelbagai sudut. Keagungannya adalah termasuk segala aspek seperti bahasa, latar peristiwa yang berlaku samasa peristiwa silam, perbincangan sains yang tidak tergapai oleh akal dan lain-lain. Termasuk dalam perbincangan ini ialah aspek keperluan pembacaan AlQuran yang baik dan merdu sesuai dengan ketinggian ayat Allah ini. Justeru, perbincangan ini termasuk dalam perkara yang menunaikan hak tilawah AlQuran

Sejarah Tarannum Al-Quran

Kewujudan ilmu tarannum sudah bermula sejak sebelum kedatangan Islam. Setiap bangsa mempunyai cara berhibur masing masing. Ada yang menggunakan paluan gendang, serunai dan sebagainya. Ada pula yang menjadikan suara manusia sebagai aset asas di susuli dengan alatan

muzik yang ada masa tersebut. Semua ini adalah ubat mujarab kepada untuk menenangkan fikiran dan mententeramkan jiwa.

Setiap negara juga mempunyai alat muzik tersendiri yang boleh digunakan untuk membuat bunyi yang menyenangkan. Sebagai contoh, gendang ialah alat muzik Melayu yang terkenal, dan alat kecapi ialah alatan muzik Cina. Masyarakat Arab pula menggunakan serunai. Ini menunjukkan bahawa bunyi dan suara yang baik tidak hilang dan menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia.

Sabda Rasulullah SAW:

روحوا القلوب ساعة فساعة

Maksudnya : Berilah kerehatan (kepada) kepada hatimupada satu ketika, kemudian pada waktu yang lain pula. (al-munawiy, 1997)

Sayyidina 'Ali pula berkata, "rehatkanlah hati kamu, sesungguhnya hati akan jemu dan keletihan sepertimana badan kamu." (al-munawiy,1997)

Masyarakat Arab sangat menyukai bunyi tarannum yang indah. Selalunya mereka digambarkan mempunyai keupayaan untuk menyanyi dan menari di mana sahaja mereka berada. Kanak-kanak menyanyi sambil bermain, ahli perniagaan menyanyi untuk menjual produk mereka, dan wanita berkabung menyanyi untuk menyatakan kesedihan mereka atas kematian orang yang disayangi. (al-Sa'id Labib, 1970)

Sebagaimana dinyatakan oleh Ibn al-A'rabi, orang Arab suka menyanyi dan menari sambil bersantai di halaman rumah mereka atau mengembara dengan unta. Itulah yang mereka lakukan setiap hari. Rasulullah saw sangat menginginkan agar kecenderungan mereka ini berubah kepada menjadikan AlQuran sebagai tempat mereka bertarannum. (al-'Asqalani,1993)

Kecenderungan dan minat mereka ini bukanlah perkara baharu sehingga Ibn 'Abbas menyatakan bahawa Nabi Dawud a.s diketahui mempunyai mukjizat suara yang sangat merdu dan telah membaca kitab zabur dengan 70 (tujuh puluh) variasi tarannum yang berbeza. Ibn Abbas meriwayatkan,

أن داود كان يقرأ الزبور بسبعين لحنا

Maksudnya : Bahawa nabi Dawud a.s membaca kitab Zabur dengan 70 variasi tarannum. (al-'Asqalani,1993)

Digambarkan bahawa Baginda Daud a.s terus membaca Zabur dengan penuh penghayatan sambil menangis setiap kali dia membacanya. Begitu juga, haiwan di daratan dan

di lautan mengikuti Baginda a.s. sambil memberi perhatian dan berdiam diri. (al-‘Asqalani,1993)

Di zaman Rasulullah SAW, ada sebahagian sahabat yang diiktiraf oleh Baginda saw dan dikenali sebagai Qari terkenal kerana mempunyai bacaan (dengan tarannum) yang baik dan suara yang merdu sehingga mendapat pujian dari Baginda saw sendiri seperti Abu Musa al-Asy ‘ari, Ibn Mas‘ud, Ubay bin Ka‘b, Mu ‘adh bin Jabal, Salim mawla Abi Huzayfah dan Usayd bin Hudayr (al-‘Asqalani,1993)

Begitu pula di zaman tabi‘in, ‘Ubaydullah Bin Abi Bakrah al-Thaqafi (14–79 hijrah) telah dikatakan orang pertama membaca Al-Quran secara bertarannum. Kemudian ia diikuti oleh ‘Ubaydullah bin ‘Umar (70-149 hijrah)(al-Dhahabi, 1992). Variasi tilawahnya menjadi contoh ikutan dan di kenali dengan gaya bacaan al-‘Umari. (ibn al-Athir, 1963)

Tiada sejarah khusus ilmu tarannum Al-Quran yang didokumentasikan dan boleh dimanfaatkan. Ia disebabkan oleh pelbagai faktor :

- 1) Pertikaian antara ulama tentang hukum tarannum dalam Al-Quran. Sesetengah ulama menganggap tarannum boleh mempermainkan dan mempersendakan Al-Quran, yang menjadikannya haram. Sesetengahnya pula berpendapat ianya makruh, dan ada pula menganggap sunat atau harus. Ia bergantung kepada perspektif dan keadaan yang dibincangkan.
- 2) Orang ramai mempunyai bakat dan kebolehan yang berbeza. Suara yang merdu adalah aset penting ilmu tarannum, tetapi ia adalah anugerah Allah yang sukar diperolehi dan hanya dimiliki oleh sebilangan kecil orang. Dengan itu, ia hanya berkembang di kalangan peminat tarannum dan mereka yang mahir dalam bidang ini.
- 3) Selain itu, ahli tarannum jarang menulis dalam bidang ilmu ini. Ini disebabkan oleh fakta bahawa tarannum hanya diketahui melalui bacaan dan pendengaran, lalu ia tidak didokumentasikan. Disebabkan faktor ini, para qari memberi tumpuan lebih besar kepada latihan suara dan tarannum berbanding penulisan dan pembangunan bentuk penulisan. Ini jelas merugikan kerana walau bagaimana pun kehebatan seorang qari, ia pasti akan hilang di telan zaman, manakala ilmu adalah abadi sepanjang zaman.

Menurut Dato’ Haji Nik Jaafar,(Nik Jaafar, 1998) ilmu tarannum bermula berdasarkan beberapa unsur bunyi iaitu :

- 1) Bunyian gisiran kayu
- 2) Bunyi tiupan angin
- 3) Bunyi kicauan burung
- 4) Bunyi air yang mengalir.

Seterusnya bunyi bunyian ini diolah oleh ahli-ahli muzik dan penyair sehingga menjadi beberapa nada dan irama yang diminati disetiap bangsa malahan menjadi budaya di kalangan mereka. (Nik Jaafar, 1998)

Syaykh Muhammad Salih al-Fattani (al-Fattani,1938) menyebutkan bahawa asal tarannum Arab adalah dari Yunani. Ia dipelopori oleh seorang pakar muzik yang bernama Batalimus al-faylasuf atau lebih dikenali dengan Ptolemy. Kemudian ia diikuti oleh pakar muzik Arab iaitu Ishaq bin Ibrahim al-Mawsili al-Nadim (155-235 hijrah).

Pengertian, Gaya dan Peranan Tarannum

Setiap tarannum Al-Quran mempunyai pengertian, gaya dan peranannya yang tersendiri. Ini bertujuan untuk menjelaskan perbezaan serta kedudukan suatu tarannum yang dibawa oleh seseorang qari.

Sehingga hari ini, hanya beberapa tarannum daripada nama-nama tarannum yang disebutkan di atas masih digunakan dalam pembacaan Al-Quran. Yang lain sama ada hilang atau hanya digunakan dalam irama lain seperti nasyid, qasidah, barzanji dan sebagainya.

Perbincangan berikut adalah sebahagian tarannum yang masih diamalkan dan kekal relevan hingga kini.

Bayyati

Sesetengah berpendapat bahawa perkataan "Bayyati" berasal dari perkataan Arab yang bermaksud "rumah." Ia dikaitkan dengan ini kerana tarannum Bayyati biasanya adalah tarannum permulaan, penaung dan penutup untuk satu persembahan bacaan. (Nordin, 2008) Seorang qari mesti mempunyai pemahaman yang baik tentang gaya tarannum dan fungsinya untuk disesuaikan dengan keperluan pembacaan ayat Al-Quran.

Gaya gerak Tarannum Bayyati tegas tetapi lembut. Ini disebabkan oleh suaranya yang rendah, tetapi dia mesti tegas untuk mengelakkan suara itu menjadi lemah. Ia adalah tarannum untuk permulaan dan penutup majlis tilawah Al-Quran.

Tarannum Bayyati berperanan untuk mempelbagaikan corak dan bunyi. Ini bermaksud setiap harakat yang dibawa akan menggunakan suara yang berlainan dan bentuk harakat yang lain.

Bayyati juga menjadi kayu pengukur kepada tarannum seterusnya yang akan di bawa. Pada tahap mana suara dan tarannum tersebut berada, maka begitulah juga ukuran pada tarannum seterusnya.

Husayni

Perkataan Husayni berasal dari perkataan Arab yang bererti cantik. Ia merupakan cawangan kepada tarannum Bayyati dan berasal dari tarannum Arab Hijazi serta diubah suai dan digubah semula oleh qari Mesir. (Hasan, 2008)

Husayni adalah tarannum yang cepat, hangat, dan sesuai dengan tabaqah yang tinggi. Mereka adalah sebahagian daripada tarannum Bayyati sahaja, tetapi suara mereka hanya berbeza dari segi ketinggian. Ini bermakna Bayyati adalah rendah dan Husayni adalah tinggi

Pendapat ini sangat kukuh. Ini disebabkan oleh fakta bahawa setiap qari akan memulakan bacaannya dengan menurunkan suaranya hingga ke tahap husayni sebelum mengakhirinya dengan Bayyati.

Harakat-harakat tarannum Husayni dapat dikenali dengan beberapa ciri :

- a) Harakat Husayni biasanya bersambung dengan harakat 4 dan 5 tarannum Bayyati permulaan.
- b) Harakat Husayni boleh dibaca dan disusun secara berasingan tanpa disambung dengan mana-mana tarannum tertentu.
- c) Harakat Husayni sering juga disambung dengan harakat Bayyati penamat. (Haji Mohammad, 1992)

Nahawand

Tarannum Nahawand berasal dari Hamadan, yang terletak di Farsi. Dari identitinya yang asal, tarannum ini telah berubah. Qari Mesir mengubahnya. Ia kini termasuk dalam kategori tarannum Misri. (Nordin, 2008)

Tarannum Nahawand cepat, lembut dan ringan. Ia sangat sesuai dengan suara yang rendah. Seorang qari membawa tarannum Nahawand dengan tujuan berikut :

- 1- setiap tarannum yang tegas dan hangat, harus dilembutkan dengan gaya tarannum yang lain dan inilah peranan Nahawand. Sekiranya tidak demikian, bacaan tersebut sentiasa keras dan tiada seni.
- 2- menyesuaikan dengan ayat yang dibaca. Sebagai contoh, ayat yang berbentuk cerita dan kisah amat sesuai dengan tarannum Nahawand.

Hijaz

Makkah dan Madinah adalah daerah di Hijaz di mana Tarannum Hijaz dikatakan berasal. Tarannum ini, yang mempunyai rentak yang agak kasar dan alunan yang terang, selalu dibawa oleh masyarakat Hijaz. Qari juga menganggapnya 'raja' alunan tarannum. (Hasan Musa, 2008)

Walaupun gerakan tarannum Hijaz agak perlahan, ia memberi kesan besar kepada pendengar. Ia sesuai untuk mana-mana tabaqah suara kerana sifatnya yang tegas dan bersemangat.

Seorang qari harus memilih gaya tarannum ini untuk ayat-ayat yang berkaitan dengan hukum-hakam, penegasan dan ancaman.

Saba

Tarannum Saba berasal dari Mesir dan ia merupakan cawangan kepada tarannum Bayyati. (Nordin, 2008) Perkataan saba dalam bahasa Arab bererti rindu dan belas kasihan. Sifat ini kelihatan amat jelas ketika seorang qari mentarannumkannya. Ini kerana gayanya berunsur kesedihan dan meruntun jiwa.

Walaupun demikian, ia tidaklah bermakna ia dibuat-buat, namun sifat tarannum itu sendiri akan kelihatan seperti berada didalam kesedihan.

Tarannum saba sesuai dibawa ketika seorang qari ingin meredakan ketegangan dalam bacaan dan melembutkannya. Ia akan melahirkan keinsafan dan kekhusyukan dalam bacaan sesuai dengan tuntutan Al-Quran itu sendiri.

Rast

Rast Tarannum berasal dari Farsi. Ia mempunyai gaya yang menarik. Kebanyakan qari tidak meninggalkan tarannum ini dalam setiap bacaan. Di kalangan qari Malaysia, ia menjadi salah satu tarannum yang paling popular. (Setina, 2008)

Tannum Rast bergerak dengan cepat dan ringan. Seorang qari membaca dengan lebih cergas dan bersemangat kerana sifat ini. Ia boleh disesuaikan dengan tabaqah yang tinggi atau rendah.

Dengan itu, tarannum ini penting untuk dibawa kerana ia memberi tenaga kepada bacaan seorang qari yang sudah kelihatan lemah dan tidak bermaya.

Sikah

Farsi (Iran) adalah tempat asal tannum sikah. Ia dipelopori oleh ahli tarannum Misri dan kekal menjadi sebahagian daripada tarannum yang diminati oleh qari-qari di Malaysia dan di seluruh dunia.

Antara ciri tarannum sikah ialah lambat, lembu dan mudah sedih. Ia sangat sesuai untuk ayat-ayat yang merayu, memohon dan merintih yang bertujuan untuk menyentuh perasaan pendengar.

Ia juga berfungsi untuk melembutkan bacaan, terutamanya apabila qari membacanya dengan nada tinggi.

Jiharkah

Sesetengah ahli tarannum mengatakan bahawa Tarannum Jiharkah berasal dari Hijaz. Kebanyakan orang Melayu tidak mengetahui bahawa, tarannum ini adalah sangat popular di Malaysia. Tarannum Jaharkah digunakan untuk mengumandangkan takbir hari raya pada setiap hari raya, sama ada 'Idul al-Fitri atau 'Idul Adha. Ia disebabkan oleh fakta bahawa suasana Jiharkah dan sifatnya sendiri adalah sesuai. Nada dan intonasi akan terjejas jika tarannum lain digunakan. (Setina, 2008)

Jiharkah bersifat ringan, sedih dan lembut. Ia akan meredakan ketegangan dan melembutkan bacaan serta memberi kekhusyukkan kepada para pembaca dan pendengar.

Ini adalah ringkasan kepada tarannum-tarannum yang selalu diperdengarkan oleh qari-qari, khususnya di Malaysia ketika mempersembahkan bacaan ayat-ayat Al-Quran. Tarannum-tarannum di atas dipilih berdasarkan tarannum popular di Malaysia.

Sebenarnya masih terdapat pelbagai tarannum lain seperti Kurdi, 'Ajam, 'Iraqi dan Nawa Asar yang merupakan cawangan atau pecahan daripada tarannum-tarannum tersebut.

Sebahagian ahli tarannum berpendapat, terdapat 28 jenis tarannum Al-Quran, manakala menurut satu sumber yang lain menyebutkan ada 350 tarannum yang boleh dialunkan ketika membaca Al-Quran. (al-Fattani, 1938)

Keanjalan Sifat Dan Peranan Tarannum

Setelah mempelajari sifat dan fungsi setiap tarannum, penulis mendapati bahawa setiap tarannum sesuai dengan ayat-ayat tertentu seperti nikmat, azab, arahan dan larangan. Almarhum

Dato' Nik Jaafar B Nik Ismail, dalam bukunya *Qawaid al-Tarannum*, memberikan asas kepada pandangan ini.

Walau bagaimanapun, sebagai murid langsungnya, penulis telah menelitinya mengenai perkara ini. Beliau mempunyai pandangan kedua iaitu mana-mana tarannum mempunyai sifat dan peranan yang sepadan dengan mana-mana ayat AlQuran. Pandangan ini disuarakan ketika hujung usia beliau. Dan penulis cenderung mengatakan inilah pandangan yang lebih tepat kepada realiti.

Bila diteliti, pendapat ini mempunyai alasan yang kuat kerana :

- 1- Seorang qari AlQuran secara amalnya tidak mengkhususkan mana2 tarannum kepada mana-mana ayat tertentu untuk dialunkan.
- 2- Dalam musabaqah, atau majlis tilawah AlQuran, tiada tarannum yang dibaca terhadap mana-mana ayat AlQuran, akan menyebabkan pemotongan markah.
- 3- Begitu juga, tarannum wajib tidak dipilih berdasarkan ayat mana yang akan dibacakan oleh qari atau peserta.

KESIMPULAN

Oleh itu, jelas bahawa tarannum mempunyai keanjalan sifat dan peranan yang sesuai dengan ayat-ayat AlQuran. Kepelbagaian nadanya boleh diterima selagi ia dapat menjiwai ayat ayat yang dibaca dan melahirkan alunan yang tepat.

RUJUKAN

- Abadi, Muhammad Syams al-Haqq al-‘Azim , al, (1968m), *'Awn al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Dawud*, al-Madinah : Maktabah al-Salafi
- ‘Abduh, Muhammad (1980m), *al-Fatawa al-Islamiyyah Min Dar al-Ifta' al-Misriyyah*, Qahirah: Jumhuriyyah al-Misr al-‘Arabiyyah, Wizarah al-Awqaf.
- ‘Asqalani, Ahmad Bin ‘Ali Bin Hajar, al, (1993) , *Fath al-Bari syarh Sahih al-Bukhari*, Beirut : Dar al-Fikr
- Al-Dhahabi, Muhammad Bin Ahmad Bin ‘Uthman(1994), *Siyar A‘Lam Al-Nubala’*, Bayrut : Muassah Al-Risalah
- al-Fattani, Mohd. Salleh B. Zainal Abidin, Syaykh (1938m), *Siraj al-Qari : Pada Bicara Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari*, Pulau Pinang : Maktabah wa Matba‘ah Dar al-Maarif.

Haji Nik Jaafar Bin Nik Ismail (1998m), *Qawa'id al-Tarannum*, Kuala Lumpur : Darul Fikr, hlm 114

Haji Mohammad bin Haji Yusuf (1992m), *Pengajian Al-Quran Bertarannum Di Kelantan : Sejarah Dan Perkembangannya*, (Kertas Projek Ukm), Hlm 32.

Ibn al-Athir, Majd al-Din al-Mubarak ibn Muhammad, (1963), *al-Nihayah fi gharib al-hadith wa al-'athar*, al-Qahirah: Maktabah Islamiyyah

Munawiy, Abd al-Ra'uf bin Taj al-'Arifin, al, (1997), *Fayd al-Qadir syarh al-Jami' al-Saghir*, Misr : Maktabah al-Tijariyah al-Kubra

al-Sa'id Labib (1970m), *al-Taghanniy bi al-Quran*, al-Hay'ah al-'Ammah li al-Tawzi ' wa al-Nasyr, hlm 5.

Zamakhshari, Mahmud Bin 'Umar, al, (1979m), *al-Fa'iq fi Gharib al-Hadith wa al-Athr*, Qahirah : Dar al-fikr,

Penyelidik (1986m), *Buku Panduan : Kursus Khas Kemahiran Membaca Dan Menghafaz Al-Quran*, Kuala Lumpur : Bahagian Agama Kementerian Pendidikan, hlm 25.

Nordin, (2008) Temubual dengan Hj Nordin Idris pada 14 Mac 2008. Beliau adalah johan Antarabangsa pada tahun 1987.

Hasan, (2008) Temubual dengan tuan haji Hasan Musa dirumah beliau di taman Sri Pengkalan Chepa Kota Bharu pada 10 Januari 2008. Beliau adalah johan antarabangsa 1964.

Setina, (2008) Temubual dengan Hajah Setina binti Ismail di rumah beliau di kampung Binjai Pasir Mas. Kelantan pada 17 Mei 2008. Beliau adalah johan antara bangsa 1967.

Ibn Manzur, Muhammad Bin Mukram al-Afriqi al-Misri (1985), *Lisan al-'Arab*, Beirut : Dar Sadir